

Gaji anggota polis sekarang tidak realistik

SAYA menyokong cadangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meminta kerajaan mempertimbangkan kenaikan gaji anggota polis berpangkat konstabel sehingga Asisten Komisioner (ACP) di atas sebab-sebab yang munasabah.

Saya berpendapat sudah tiba masanya untuk mempertimbangkan perkara ini kerana gaji anggota polis pada hari ini tidak realistik memandangkan cabaran semasa menjalankan tugas harian mereka.

Apa yang kita lihat hari ini, kes-kes jenayah semakin meningkat dan ia dilaku-

kan tanpa rasa simpati dan perikemanusiaan. Bukan sahaja masalah kes ragut malah kes bunuh yang dilakukan dengan ganas dan amat kejam.

Semua ini menjadikan tugas anggota polis semakin mencabar dan berisiko tinggi. Mereka menghadapi saat-saat bahaya sewaktu berusaha menangkap penjenayah dan mengurangkan kadar jenayah.

Baru-baru ini, terdapat kes beberapa anggota polis terbunuh sewaktu bergelut dengan penjenayah.

Saya yakin kenaikan gaji akan dapat

Um - 21/9/2006
mempertingkatkan semangat dan daya kerja anggota polis.

Gaji dan elaun yang diterima oleh anggota polis hendaklah setimpal dengan tugas mereka yang mencabar dan berisiko tinggi.

Sungguhpun tidak dibayar seperti di sektor swasta, kerajaan perlu mengambil kira keadaan dan suasana tugas anggota polis.

Tambahan pula, kos sara hidup yang tinggi terutama di bandar-bandar besar amat memberi tekanan kepada mereka. Wa-

laupun elaun diberi, gaji pokok anggota polis adalah tidak realistik dan haruslah disesuaikan setimpal dengan tugas mereka.

Saya telah menyuarakan perkara ini beberapa tahun yang lepas dan berharap perkara ini diberi perhatian di dalam memikirkan aspek kebajikan polis dan menyesuaikan gaji mereka dengan keadaan sekarang dan tugas mereka yang semakin mencabar ini.

- TAN SRI LEE LAM THYE,
Kuala Lumpur